

# Mahathir: Kalau sistem demokrasi sekarang hancur rakyat menderita

ALOR SETAR, Ahad.

— Sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini sekarang akan hancur jika rakyat terpengaruh dengan golongan yang menyatakan bahawa ia perlu diganti dengan satu sistem pentadbiran yang lebih keras.

Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad ketika memberi amaran itu mengingatkan sekiranya sistem demokrasi yang ada sekarang hancur, rakyat akan menderita dan negara porak-peranda.

Dr. Mahathir memberi amaran itu, ketika merasmikan majlis Dialog Pembangunan dan Keselamatan anjuran Pejabat Pencerangan Negeri dan Umno Bahagian Ulu Muda di Sekolah Menengah Sungai Tlang, kira-kira 40 batu dari sini hari ini.

"Oleh yang demikian,

setiap rakyat khususnya ahli-ahli Umno perlu memahami dengan betul, sistem demokrasi yang ada sekarang supaya ia dapat dikekalkan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan satu keistimewaan yang terdapat dalam sistem demokrasi di negara ini ialah adanya majlis dialog dimana menteri berjumpa rakyat untuk mengetahui secara terus masalah yang mereka hadapi.

## Perhubungan

"Sistem perhubungan terus antara Kerajaan dengan rakyat telah dapat merapatkan kedua-dua pihak dan ia tidak diamalkan di negara-negara lain yang lama mengamalkan demokrasi.

Dr. Mahathir menegur negara-negara yang mengakui sistem demokrasi mereka adalah

baik dari yang diamalkan di negara ini sedangkan pada hakikatnya sistem pentadbiran mereka adalah lebih buruk.

Negara-negara itu selalu mengecam negara ini dan mengatakan bahawa Malaysia mengamalkan diskriminasi dan undang-undang yang keras tetapi sebenarnya keadaan di negara mereka adalah lebih buruk.

Katanya, Kerajaan yang ada sekarang adalah bertanggungjawab dan sentiasa menumpukan usaha pembangunan rakyat dan negara.

Mengenai keselamatan Dr. Mahathir berkata negara dapat berdikari menentang ancaman musuh kerana pasukan keselamatan negara ini adalah kuat, bersemangat tinggi dan mencukupi.

Katanya, perjanjian sempadan baru Malaysia-Thai adalah satu perkembangan si-

hat yang akan membolehkan kedua negara menghancurkan musuh yang sama.

Sementara itu, ketika merasmikan perayaan 30 tahun Umno, Bahagian Jerai, kira-kira 19 batu dari sini, Dr. Mahathir berkata umno tidak ingin melihat parti itu bertukar corak.

Oleh itu kadangkala golongan tua nampaknya agak bimbang untuk menyerah pimpinan kepada golongan muda kerana takutkan parti itu bertukar corak.

Beliau menyeru setiap ahli supaya menghidupkan semangat sanggup bekerja dan bertekun demi mengekalkan corak pertubuhan itu.

Katanya, Umno tidak mempunyai tempat untuk orang-orang yang angkuh. Setiap ahli perlu tahu merendahkan diri.